# TUNJANG 5 : KEROHANIAN, MORAL & NILAI

## UMUR : 4 TAHUN

Fokus : (PM 6.0) Hormat menghormati

Standard Kandungan : (PM6.1) Menghormati anggota keluarga

Standard Pembelajaran : (PM 6.1.1 Menunjukkan taat dan hormat kepada ahli keluarga

Umur : 4+

Penerapan : Kecekapan Tenaga

Tajuk : Hormati nasihat ibu

| Fasa | Aktiviti | Bahan Bantu Mengajar |
|---|---|---|
| Set induksi (5 minit) | 1) Guru membawa masuk puppet ke dalam kelas.<br>2) Guru bersoal jawab tentang puppet yang di bawa. | Puppet |
| Aktiviti 1 (10 min) | 1) Main peranan dalam kumpulan.<br>2) Guru meminta murid berada dalam kumpulan.<br>3) Setiap kumpulan di beri watak yang berbeza dengan menggunakan puppet<br>4) Watak ibu dan anak<br>- menutup lampu apabila keluar kelas<br>- menutup kipas apabila keluar kelas<br>5) Guru terapkan nilai jimat cermat menggunakan elektrik | |
| Aktiviti 2 (20 minit) | Klik pada pelakuan yang betul, baik dan salah.<br><table><tr><td>√</td><td>X</td></tr><tr><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td></tr></table> | Aktiviti interaktif dalam komputer |
| Penutup | Guru membimbing murid menyebut semula perkara yang perlu dilakukan sebelum meninggalkan kelas atau rumah. | |

Fokus : (P1 4.0) Akhlak

Standard Kandungan : (PI 4.2) Melakukan amalan seharian mengikut adab seperti melafazkan doa

Standard Pembelajaran : (PI 4.2.1) Melafazkan Bismillah

Penerapan : Kecekapan Tenaga

Umur : 4+
Tajuk : Keperluan amalan agama dalam penjimatan tenaga

| Fasa | Aktiviti | Bahan Bantu Mengajar |
|---|---|---|
| Set induksi (5 minit) | 1) Guru memperkenalkan kalimah Bismillah kepada murid.<br>2) Guru bersoal jawab dengan murid tentang kalimah Bismillah. Siapa pernah jumpa kalimah ini?<br><br>Dimana biasa kita jumpa kalimah ini?<br>Murid memberi respon terhadap soalan guru. | |
| Aktiviti 1 (10 min) | 1. Guru mengedarkan naskah muqaddam kepada murid secara kumpulan.<br>2. Murid mencari kalimah Bismillah alam muqaddam yang diberi secara kumpulan.<br>3. Guru membimbing murid menyebut kalimah Bismillah secara individu, kumpulan dan kelas. | Muqaddam |
| Aktiviti 2 (20 minit) | 1. Guru bersoal jawab dengan murid tentang perlakuan yang menggunakan kalimah Bismilah.<br>2. Murid member respon terhadap soalan guru.<br>3. Guru menunjukkan gambar kepada murid.<br>4. Guru bersoal jawab dengan murid tentang gambar yang ditunjukkan:<br>- Menutup lampu<br>- Membuka lampu<br>- Menutup kipas<br>- Memasang kipas<br>5. Guru memberI penerangan kepada murid tentang perlunya membaca kalimah Bismillah sebelum melakukan aktiviti. | Gambar:<br>1. Menutup lampu<br>2. Membuka lamput<br>3. Menutup kipas<br>4. Memasang kipas |

| | | |
|---|---|---|
| Langkah 3<br>(10 minit) | 1. Aktiviti pengukuhan<br>2. Guru meminta murid mengklik pada gambar yang memerlukan bacaan kalimah bismillah sebelum melakukan aktiviti.<br>- Menutup lampu<br>- Membuka lampu<br>- Menutup kipas<br>- Memasang kipas | Aktiviti interaktif dalam komputer |
| Penutup | 1. Guru menasihatkan murid agar memulakan aktiviti dengan kalimah Bismillah.<br>2. Guru menasihatkan murid agar menutup lampu dan kipas sebelum keluar dari rumah atau sekolah. | |

Fokus : (PI 4.0) Akhlak

Standard Kandungan : (PI 4.1) Mencontohi akhlak Rasullah S.A.W seperti sabar, bercakap benar, rajin bijaksana dan amanah.

Standard Pembelajaran : (PI 4.1.1) Menyebut akhlak Rasullah S.A.W — bercakap benar.

Penerapan : Kecekapan Tenaga
Umur : 4+

Tajuk : Bercakap benar dan jujur dalam kehidupan seharian

| Fasa | Aktiviti | Bahan Bantu Mengajar |
|---|---|---|
| Set induksi (5 minit) | 1) Guru memperdengarkan nasyid lagu junjungan besar Nabi Muhammad.<br>2) Guru menerangkan kepada murid tentang Nabi Muhammad S.A.W.<br>3) Guru membimbing murid berselawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W.<br>Murid berselawat ke atas Nabi Muhammad secara kelas, individu dan kumpulan.<br><br>Contoh soalan:<br>1. Siapa pernah dengar lagu ini?<br>2. Siapa Nabi Muhammad? | |
| Aktiviti 1 (5 min) | 1. Guru menceritakan satu cerita tentang Nabi Muhammad yang sentiasa bercakap benar.<br>2. Guru bersoal jawab dengan murid tentang cerita yang didengar. | |
| Aktiviti 2 (10 minit) | 1. Main peranan berdasarkan dialog yang disediakan guru<br>Guru menerangkan tentang penggunaan peralatan elektrik di rumah.<br>Dialog:<br>Ibu : Sudah tutup lampu?<br>Murid : Dah….<br>Ibu : Tapi ibu masih lihat ada lagi lampu yang tidak ditutup….<br>Murid : Lupa la…..<br>Ibu : Boleh tolong ibu tutupkan lampu? Tapi lain kali kamu kena bercakap benar.<br>Murid : Baik Ibu. | |
| Penutup (5 minit) | Guru menasihatkan murid agar menjimatkan penggunaan tenaga elektrik di rumah dan sentiasa bercakap benar. | |

Fokus : PM 10.0) Kejujuran

Standard Kandungan : (PM 10.1.1) Mengenal sikap jujur melalui simulasi dan cerita
(PM 10.1) Mengamalkan sikap jujur dalam diri dan pergaulan dengan ahli keluarga, rakan dan guru.

Standard Pembelajaran : (PM 10.1.2) Memohon maaf apabila melakukan kesalahan.

Penerapan :Kecekapan Tenaga

Umur :4+

Tajuk : Sikap Jujur

| Fasa | Aktiviti | Bahan Bantu Mengajar |
|---|---|---|
| Set induksi (5 minit) | 1. Bermain membaling bola (bean bag)<br>2. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan.<br>3. Kumpulan pertama akan membaling 'bean bag' ke arah kumpulan lain.<br>4. Guru menerangkan aktiviti yang akan dilakukan pada hari ini. | Bean bag |
| Aktiviti 1 (10 min) | 1. Guru membahagikan murid kepada beberapa kumpulan.<br>2. Guru menerangkan kepada murid pada hari ini akan membuat simulasi bersikap jujur dalam perbuatan seharian.<br>- Simulasi tidak menutup lampu dan kipas didalam kelas sebelum keluar dari kelas untuk bermain di luar kelas.<br>- Guru bertanya siapa yang tidak menutup lampu sebelum keluar.<br>- Murid akan mengaku kesalahan dengan bimbingan<br>- Murid meminta maaf kepada guru atas kesalahan yang dilakukan dengan bimbingan. | |
| Aktiviti 2 (20 min) | 1) Guru membimbing murid membuat simulasi sikap jujur dalam kehidupan seharian.<br>2) Aktiviti selesai setelah semua kumpulan selesai membuat simulasi bersikap jujur dan memohon maaf. | |
| Langkah 3 (20 minit) | Aktiviti interaktif dalam komputer | |
| Penutup (5 minit) | 1. Guru menasihati agar menutup semua kipas dan lampu sebelum meninggalkan kelas dan rumah. | |

Fokus : (PM 13.0) Kesederhanaan

Standard Kandungan : (PM 13.1) Mengamalkan sikap berjimat cermat dalam penggunaan barang keperluan dengan bimbingan guru.

Standard Pembelajaran : (PM 13.1.1) Mengamalkan sikap berjimat cermat dalam penggunaan barang keperluan dengan bimbingan guru.

Penerapan : Kecekapan Tenaga
Umur :4+

Tajuk : Penggunaan Peralatan Elektrik yang Berhemah

| Fasa | Aktiviti | Bahan Bantu Mengajar |
|---|---|---|
| Set in-duksi<br>(5 minit) | 1. Guru membawa masuk 'big book' ke dalam kelas.<br>2. Guru memperkenalkan 'big book' kepada kelas.<br>3. Guru bersoal jawab dengan murid tentang 'big book yang dibawa.<br>4. Guru menasihatkan murid agar berhati-hati se-masa membaca buku cerita ini.<br>1. Siapa pernah baca buku ini?<br>2. Siapa nak baca buku ini | Buku Big Book' |
| Aktiviti 1<br>(10 min) | 1) Guru dan murid bersama-sama membaca buku 'big book'.<br>**2)** Guru memperkenalkan 'big book' kepada murid **(rujuk aktiviti interaktif yang telah disediakan)** | Aktiviti interaktif komputer |
| Aktiviti 2<br>(10 minit) | 1) Guru bersoal jawab dengan murid tentang cerita yang telah dibacakan.<br>2. Murid memberi respon kepada soalan guru.<br>3. Kenapa rumah Nani tiada elektrik?<br>4. Apakah pengajaran pada cerita ini? | |
| Penutup<br>(5 minit) | 1. Guru menasihati murid agar tidak membazirkan elektrik di rumah dan di sekolah.<br>2. Guru menceritakan akibat membazirkan elektrik. | |

Fokus : (P1 5.0) Asas Bahasa Al Quran dan Tulisan Jawi

Standard Kandungan : (P1 5.1) Mengetahui huruf jawi

Standard Pembelajaran : (P1 5.2).1 Menyebut huruf jawi dengan bimbingan

Penerapan : Kecekapan Tenaga

Umur : 4+
Tajuk : Belajar mengeja peralatan elektrik dengan huruf jawi

| Fasa | Aktiviti | Bahan Bantu Mengajar |
|---|---|---|
| Set in-duksi<br>(5 minit) | 1. Guru menunjukkan video tentang huruf-huruf jawi.<br>2. Guru membimbing murid menyanyi lagu huruf jawi bersama-sama. | Video ejaan jawi |
| Aktiviti 1<br>(10 min) | **1)** Guru menunjukkan dua kad huruf jawi ke hadapan ke-las.<br>Guru bersoal jawab dengan murid tentang huruf yang di-tunjukkan.Soalan:<br>.Ini huruf apa?<br>Jawapan:<br>Huruf Kaf dan Lam<br><br>2) Guru memadankan huruf dengan gambar.<br>- Huruf kaf dengan gambar kipas<br>- Huruf lam dengan gambar lampu<br>3. Guru membimbing murid menyebut huruf dan gambar secara kelas, kumpulan dan individu.<br>4. Guru menerangkan tentang gambar yang ditunjukkan. | |
| Aktiviti 2<br>(10 minit) | 1. Guru membuat kolaj huruf jawi.<br>2. Guru membimbing murid membuat kolaj huruf kaf dan lam. | |
| Penutup | Guru menasihati murid agar menjimatkan penggunaan elektrik seperti kipas dan lampu | |

Fokus : (PM 4.0) Berterima kasih

Standard Kandungan : (PM 4.1) Mengamalkan sikap berterima kasih.

Standard Pembelajaran : (PM 4.1.1) Mengucapkan terima kasih secara lisan atau bukan lisan atas bantuan yang diterima.

Penerapan : Kecekapan Tenaga
Umur : 4+
Tajuk : Penjimatan penggunaan elektrik di rumah dan sekolah

| Fasa | Aktiviti | Bahan Bantu Mengajar |
|---|---|---|
| Set induksi<br>(5 minit) | 1. Guru membuat demonstrasi meminta murid menutup televisyen selepas digunakan atau menjalankan aktiviti lain. | |
| Aktiviti 1<br>(10 min) | 1. Guru mengucapkan terima kasih selepas murid melakukan aktiviti yang diminta.<br>2. Kemudian murid diminta menjalankan aktiviti interaktif dalam komputer<br>2. Di sebuah rumah terdapat pelbagai peralatan yang sering digunakan.<br>3. Murid akan klik pada gambar yang perlu ditutup selepas digunakan, selepas itu akan keluar ucapan terima kasih selepas murid klik. | Aktiviti interaktif komputer |
| Aktiviti 2<br>(10 minit) | Kemudian guru bersoal jawab dengan murid tentang perbuatan yang selalu kita buat dan akan diberi ucapan terima kasih<br>Contoh:<br>1.membantu ibu membuang sampah kedalam tong Sampah<br>2. menyampu sampah<br>3. mengemas katil sendiri | |
| Penutup | Guru juga mengingatkan murid bahawa mereka juga perlu ucapkan terima kasih apabila mendapat bantuan atau hadiah daripada rakan-rakan atau orang dewasa yang lain. | |

Fokus : (PM 4.0 ) Berterima kasih.

Standard Kandungan : (PM 4.1 ) Mengamalkan sikap berterima kasih.

Standard Pembelajaran : (PM 4.1.1) Mengucapkan terima kasih secara lisan atau bukan lisan atas bantuan yang diterima.

Penerapan Kecekapan Tenaga : Kecekapan tenaga.

Umur :4+

Tajuk : Berbudi-bahasa di sekolah.

| Fasa | Aktiviti | Bahan Bantu Mengajar |
|---|---|---|
| Set induksi<br>(3 minit) | 1) Menayangkan video ucapan terima kasih dalam pelbagai bahasa di dunia. Sumber video: Youtube<br>http://youtube/hp_QL3Ql6LU | Video |
| Aktiviti 1<br>(7 min) | 1) Simulasi perbuatan yang perlu diberi ucapan terima kasih oleh murid-murid.<br>Contoh:<br>1) membantu guru mengangkat beg, membantu ibu membasuh pinggan.<br>2) Menutup suis kipas apabila tidak digunakan<br>3) Menutup suis lampu bila keluar daripada kelas | |
| Aktiviti 2<br>(10 min) | 1) Murid diberikan gambar-gambar perbuatan yang dilakukan seharian<br>2) Murid Memilih perbuatan yang perlu diberi ucapan terima kasih dan menampal pada papan putih. | |
| Penutup<br>(5 Minit | 1) Guru mengingatkan murid supaya sentiasa mengucapkan terima kasih atas bantuan yang diterima<br>2) Murid mengucapkan terima kasih dalam Bahasa Melayu , Bahasa Inggeris, bahasa mandarin dan bahasa tamil | |

Fokus : (PM 6.0) Hormat menghormati

Standard Kandungan : (PM 6.1) Menghormati Anggota Keluarga

Standard Pembelajaran : (PM 6.1.1) Menunjukkan taat dan hormat kepada ahli keluarga

Penerapan : Kecekapan tenaga.
Umur : 4+

Tajuk : Cara saya tunjuk hormat kepada ahli keluarga.

| Fasa | Aktiviti | Bahan Bantu Mengajar |
|---|---|---|
| Set induksi (3 minit) | 1) Murid-murid akan memancing gambar ahli keluarga dan menampalkannya pada gambar sebuah rumah. | Aktiviti interaktif. |
| Aktiviti 1 (10 minit) | 1. Murid-murid mengeja perkataan hor-mat.<br>2. Tunjuk gambar-gambar perbuatan men-ghormati keluarga.<br>Contoh: Mencium tangan ibu bapa semasa bersalaman, tunduk ketika, melintas di depan ahli keluarga yang lebih tua, bercakap dengan nada yang rendah, menurut arahan ibu bapa Ttolong tutup lampu), memberi bantuan kepada ahli keluarga yang memerlukan. | Aktiviti interaktif. |
| Aktiviti 2 (10 minit) | 1. Memilih gambar perbuatan yang sesuai dengan cara ‘drag’ gambar ke dalam rumah dan gambar yang tidak sesuai ke dalam tong sampah. | Aktiviti interaktif. |
| Penutup (2 minit) | 1. Menamakan kembali perbuatan hormat kepada ahli keluarga. | |

Fokus : (PM 10.0) Kejujuran

Standard Kandungan : (PM 10.1) Mengamalkan sikap jujur dalam diri dan pergaulan dengan ahli keluarga, rakan dan guru.

Standard Pembelajaran : (PM 10.1.1) Mengenal sikap jujur melalui simulasi dan cerita

Penerapan Kecekapan Tenaga : Penggunaan Peralatan Elektrik dengan Berhemah

Umur : 4+
Tajuk : Sikap jujur

| Fasa | Aktiviti | Bahan Bantu Mengajar |
|---|---|---|
| Set induksi<br>(2 minit) | 1) Guru memperkenalkan puppet 'Cik Boni' sebagai watak tukang cerita bagi kisah 'Maisarah Yang Tidak Jujur'<br><br>2) Cik Boni menerangkan tentang tajuk cerita pada hari ini. "gelombang mikro". | Aktiviti interaktif, big book, cerek, seterika (sebagai bahan maujud) |
| Aktiviti 1<br>(15 min) | 1) Cik Boni memulakan cerita " Maisarah Yang Tidak Jujur"<br><br>2) Penggunaan big book' adalah digalak-kan. | Cerek, seterika,<br>big book |
| Aktiviti 2<br>(10 min) | 1) Murid-murid membuat soalan (latihan kefahaman) pada aktiviti interaktif yang telah disediakan. | Aktiviti interaktif |
| Penutup<br>(5 min) | 1) Guru bersoal jawab dengan murid ten-tang pengajaran yang terdapat dalam cerita ini. | |

Fokus : (PM 13) Kesederhanaan

Standard Kandungan : (PM 13.1) Mengamalkan sikap berjimat cermat dalam penggunaan barang keperluan.

Standard Pembelajaran : (PM 13.1.1) Mengamalkan sikap berjimat cermat dalam penggunaa barang keperluan dengan bimbingan guru.

Penerapan Kecekapan Tenaga : Kecekapan tenaga.
Umur : 4+

Tajuk : Jimat Cermat

| Fasa | Aktiviti | Bahan Bantu Mengajar |
|---|---|---|
| Set induksi (5 minit) | 1) Guru masuk ke dalam kelas dengan membawa sebuah beg yang besar.<br><br>2) Murid-murid bersoal jawab dengan guru tentang apakah barang yang terdapat dalam beg tersebut.<br><br>3) Guru memilih beberapa orang murid untuk mengeluarkan barang yang terdapat dalam beg tersebut. | Cerek elektrik, seterika, lampu meja, video<br><br>http://www.youtube.com/watch?v=le3nLb3fWBk&feature=related<br><br>http://www.youtube.com/watch?v=PAGOI4oHWQM&feature=related |
| Aktiviti 1 (15 minit) | 1) Murid-murid ditanya tentang cara menggunakan peralatan tersebut (memerlukan sumber elektrik)<br><br>1) Guru melakukan demonstrasi terhadap penggunaan peralatan-peralatan elektrik. | Cerek elektrik, seterika, lampu meja. |
| Aktiviti 2 (10 minit) | 1) Guru menunjukkan video penjimatan dalam menggunakan keperluan harian terutamanya penggunaan elektrik . | Video |

| Fasa | Aktiviti | Bahan Bantu Mengajar |
|---|---|---|
| Aktiviti 3<br>(15 minit) | 1) Dengan menggunakan aktiviti interaktif, murid-murid bermain permainan interaktif iaitu memancing gambar cara-cara menggunakan barang keperluan secara berjimat cermat. | Aktiviti interaktif |
| Penutup<br>(5 minit) | 1) Guru menyoal murid tentang cara menggunakan peralatan secara berjimat cermat. | |

Fokus : (PM 16.0) Berdisiplin.

Standard Kandungan : (PM 16.1) Mengamalkan sikap berdisiplin dalam kelas.

Standard Pembelajaran : (PM 16.1.2) Mematuhi arahan yang ditentukan di kelas atau di sekolah.

Penerapan : Kecekapan tenaga.
Umur : 4+
Tajuk : Cara saya berdisiplin di sekolah.

| Fasa | Aktiviti | Bahan Bantu Mengajar |
|---|---|---|
| Set induksi (2 minit) | 1) Beberapa orang murid memadankan puzzle peraturan kelas yang disediakan . | Puzzle, aktiviti interaktif, dalam komputer. |
| Aktiviti 1 (10 minit) | 1) Murid-murid membaca peraturan kelas bersama-sama guru.<br>2) Guru menerangkan peraturan-peraturan tersebut kepada murid-murid. | |
| Aktiviti 2 (20 minit) | 1) Murid-murid melengkapkan peraturan kelas dalam aktiviti interaktif mengikut petunjuk yang diberi. Mereka perlu melengkapkan petunjuk mengikut kod rahsia. | Komputer, bahan interaktif. |
| Penutup (3 minit) | 1) Murid-murid menyatakan kembali peraturan-peraturan yang perlu diikuti. | |